

Pertandingan terbesar

112 pesilat dari 19 negara Asia, Eropah dan Amerika akan bertanding

Oleh MOHD SANI ALI

SERAMAI 112 pesilat dari 19 buah negara dijangka akan menyertai Kejuhanan Silat Undangan Antarabangsa Singapura yang akan berlangsung dalam Ogos nanti.

Ia adalah julung-julung kali Persekutuan Silat Singapura (Persisi), menganjurkan kejuhanan terbesar dan disertai oleh pesilat-pesilat dari Eropah, Amerika dan Asia dari 25 hingga 29 Ogos, di Dewan Sukan Bedok itu.

Presiden Persisi yang baru dilantik, Encik Ibrahim Othman, menyatakan undangan telah pun dikirim kepada semua kerabat Persekutuan Silat Antarabangsa (Persilat).

Negara-negara Eropah yang diundang ialah Austria, Belanda, Belgium, Britain, Denmark,

Jerman Barat, Perancis, Sepanyol, Switzerland dan Yugoslavia.

Yang lain pula terdiri dari Amerika Syarikat, Turkey, Surinam, Australia dan tidak ketinggalan dari negara-negara Asean, Brunei, Indonesia, Malaysia dan Thailand.

Penyertaan Nigeria telah ditolak kerana negara tersebut belum menganggotai Persilat.

"Setiap negara dihadkan jumlah penyertaan mereka kepada enam orang dan dua pegawai saja," tegas presiden Persisi itu.

Kejuhanan ini dijalankan mengikut undang-undang pertandingan Persilat. Ia dibahagikan kepada 10 kategori dari A hingga I dan Terbuka.

"Penyertaan pesilat-pesilat wanita hanya terhad dari kategori A hingga E dan tidak ada kategori Terbuka."

Encik Ibrahim menerangkan: "Tidak kurang daripada \$70,000 diperlukan untuk menganjurkan kejuhanan ini."

Persisi berasa bertuah kerana Singapore Pools dan Persatuan Rakyat (PA) telah ke depan untuk memberi sumbangan yang tersendiri.

"Singapore Pool telah menyampaikan derma \$20,000," kata Encik Othman.

PA pula bermurah hati dengan menyediakan tempat tinggal para peserta di Institut Latihan Kepimpinan Belia Nasional.

"Di samping itu PA juga akan menyumbangkan jamuan malam dan persembahan kebudayaan bagi mengalukan kedatangan para peserta di sebuah hotel terkemuka.

"Ini tidak termasuk peralatan dan kemudahan untuk perisidangan yang diadakan serentak dengan kejuhanan tersebut."

Lima orang pegawai PA telah diserapkan dalam jawatankuasa penganjur pertandingan tersebut sebagai pegawai-pegawai perhubungan.

Kata Encik Ibrahim: "Syarikat Penerbangan Singapura (SIA) telah melahirkan keinginan untuk memberi potongan harga tambang kepada peserta-peserta."

Jawapan masih ditunggu dari Lembaga Penggalak Pelancong Singapura (STPB) untuk sumbangannya.

Haji Rahim Dayan, timbalan pertama presiden Persisi menerangkan: "Hampir semua pesilat dari negara-negara yang disebutkan itu telah saya temui ketika mereka menyertai Kejuhanan Silat Antarabangsa di Kuala Lumpur tahun lalu."



ENCIK IBRAHIM: Tidak kurang \$70,000 diperlukan untuk anjur kejuhanan ini.